

Mangsa kena malaria, cirit-birit

HANOI: Pakar kesihatan kini bergelut untuk mengelak penularan penyakit berjangkit berikutan laporan kes malaria dan cirit birit di kawasan yang terjejas teruk akibat taufan Nargis.

“Anggaran awal menyatakan 20 peratus kanak-kanak di kawasan terbabit mengalami cirit birit dan keadaan dijangka lebih buruk,” kata pegawai kesihatan dan pemakanan Tabung Kanak-Kanak PBB (Unicef) di Yangon, Osamu Kunii.

“Sebahagian besar kawasan yang teruk terjejas itu dipenuhi air kotor. Ada banyak mayat di sana sini dan ramai mangsa tiada kemudahan langsung mendapatkan makanan atau bekalan air bersih.”

Kunii berkata, pil pemberisih air pula tidak banyak membantu kerana sebahagian besar bekalan air dicemari limpahan air masin.

Katanya, keadaan di Myanmar

jauh lebih buruk daripada tsunami Asia yang meragut pada 2004. “Ketika tsunami dulu, mangsa boleh memperoleh bekalan air bersih dari kawasan darat yang tidak terjejas akibat gelombang besar berkenaan.”

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi rantau Asia Tenggara di New Delhi, Poonam Khetrapal Singh berkata pihaknya tidak mengetahui bilangan sebenar mangsa yang kena malaria tetapi penyakit bawaan nyamuk itu biasa berlaku di delta Irrawaddy.

Berikutan itu, 10,000 kelambu dihantar ke Myanmar.

Di Bangkok, pegawai kanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran lebih ramai mangsa akan mati berikutan masa yang terlalu suntuk bagi memastikan bekalan bantuan kemanusiaan tiba kepada mereka.

Sehubungan itu, Timbalan Setiausaha Agung PBB bagi rantau Asia Pasifik, Noleen Heyzer menggesa kerajaan junta segera mengeluarkan visa kepada pekerja bantuan yang menunggu kelulusan rasmi untuk masuk membantu mangsa bencana alam berkenaan.

“Keadaan semakin kritikal dan hanya ada peluang kecil bagi kita mengelak ancaman penularan penyakit yang boleh meningkatkan lagi angka kematian,” kata Heyzer dalam satu kenyataan. – AFP

“Keadaan semakin kritikal dan hanya ada peluang kecil bagi kita elak penularan penyakit”

Noleen Heyzer
Timbalan Setiausaha Agung PBB